

19/10/2001

Olimpian 2001 milik Qabil

Lukman Salleh

PERSEMBAHAN cemerlang di Sukan Sea XXI bulan lalu bakal memahkotakan jaguh ekuestrian Qabil Ambak Mahamad Fathil selaku Olimpian Lelaki Terbaik 2001 Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Qabil adalah calon tunggal disenaraikan untuk atlit lelaki terbaik berdasarkan kejayaannya memenangi empat emas - dua acara individu dan dua berpasukan di Sukan Sea XXI.

Bagi Olimpik wanita terbaik pula, tiga atlit bersaing merebut anugerah ini terdiri daripada Goh Yi Mei (gimnastik berirama), Leong Mun Yee (terjun) dan ratu bowling Shalin Zulkifli.

Anugerah kali kesembilan ini akan dilangsungkan 9 November ini pada majlis makan malam tahunan MOM di Kuala Lumpur.

Pemilihan Qabil sebagai Olimpian Lelaki Terbaik, melengkapkan tahun gemilang atlit ekuestrian ini, yang memasyhurkan dirinya selaku atlit Malaysia terbaik tahun ini dalam Sukan Sea XXI.

Ia juga menyusul pengiktirafannya selaku atlit lelaki terbaik Sukan Sea XXI, anugerah yang diterimanya dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada penutup temasya ini 17 September lalu.

Malah tiada keraguan Qabil diumumkan Olimpik Kebangsaan. Rekodnya dalam Sukan Sea XXI sukar ditandingi rakan sepasukan yang lain.

Dia menyumbangkan empat emas - masing-masing acara dressage dan show jumping individu dan berpasukan.

Bagi atlit wanita pula, persaingan sengit antara Yi Wei, Mun Yee dan Shalin kerana masing-masing mempunyai rekod kejayaan cemerlang.

Ketiga-tiganya memenangi emas tetapi Yi Wei tampak mempunyai kelebihan kerana tiga daripadanya dalam acara individu dan satu berpasukan, selain membantu skuad gimnastik berirama menyapu bersih semua emas dipertandingan dalam acara ini.

Yi Wei unggul dalam acara individu keseluruhan, gelung dan belantan serta bergandingan bersama Celestie Chan dan Sarina Sundrarajah untuk memastikan emas berpasukan.

Mun Yee pula tangkas di kolam terjun dengan meraih dua emas individu dalam acara 10m platform dan 3m papan anjal.

Dia kemudiannya bergandingan dengan Rosatimah Mohamad untuk meraih dua lagi emas dalam terjun berirama 10m platform dan 3m papan anjal - pertama kali diperkenalkan dalam Sukan Sea XXI.

Shalin pula menyumbangkan empat emas dalam acara perseorangan, trio, lima sepasukan dan all events.

Olimpian Terbaik Lelaki dan Wanita 2001 MOM masing-masing akan menerima wang tunai RM10,000 serta pingat.

(END)